



commercedotcom

innovations in
public commerce

commerce dot com sdn bhd (486495V)
ground floor, wisma commercedotcom,
15 jalan pandang, 46050 petaling jaya,
selangor darul ehsan, malaysia.

☎ 03 7985 7700 ☎ 03 7781 1428

www.commercedc.com.my

UNTUK SIARAN SEGERA

CDC KOMITED TANGANI GEJALA RASUAH

PETALING JAYA, 29 Oktober 2018—Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC) menyatakan komitmen dalam usaha menangani gejala rasuah di negara ini menerusi sokongan terhadap pengantjuran “Anti-Corruption Summit 2018”.

Persidangan yang diadakan dengan usahasama antara Transparency International Malaysia (TI Malaysia) dan Aram Global Sdn Bhd, akan berlangsung selama sehari pada **30 Oktober 2018** di **Hotel Istana, Kuala Lumpur** mulai pukul 9 pagi.

YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka akan menyampaikan ucap tama dengan tajuk ‘**A Sustainable Path for Malaysia to Eradicate Corruption**’. Selain itu, persidangan kemuncak ini bakal menjadi platform perbincangan tentang isu berkaitan rasuah serta integriti yang disampaikan menerusi enam (6) sesi pleno dengan disertai oleh 800 peserta pelbagai latar belakang.

Antara tajuk perbincangan adalah seperti ‘The Battle Against Ill Gotten Money: What Needs to Be Done? The Need for Protection of Whistle- Blowers for Malaysia Baharu, Corporate Money and Political Parties – What Would Be the Best for Political Financing Legislation serta Eliminating Corruption in The Public Sector.

Sesi ucap tama dan perbincangan sempena ‘Anti-Corruption Summit 2018’ boleh diikuti secara **langsung di Youtube commercedotcomTV dan Facebook Transparency International – Malaysia** mulai pukul 9 pagi.

Selain CDC, persidangan ini turut menarik penglibatan daripada syarikat lain seperti Petroliaam National Berhad (Petronas), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad, Top Glove Corporation Berhad, Thumprints Utd Sdn Bhd dan MERCER.

Majlis penutupan ‘Anti-Corruption Summit 2018’ dijangka akan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

About Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC)

Established in June 1999 with a paid-up capital of RM40 million, CDC was incorporated for the fundamental purpose to develop and operate an electronic procurement system for the Government of Malaysia.

This initiative was undertaken with the intention to steer the nation’s commerce into the forefront of the digital economy. CDC operates 14 ePerolehan Centres at all major cities in the country.

For further information, please visit www.commercedc.com.my or for media inquiries, please contact Noor Baizura Saliza at 03-7985 5365 or via email at noorbaizura@commercedc.com.my.